


## BAB 5

### Institut Teknologi MARA

#### Pendahuluan

MARA memainkan peranan yang penting dalam aspek pendidikan. Antara jasa MARA yang tidak dapat dinafikan dalam pendidikan ialah apabila MARA berjaya menubuhkan Institut Teknologi MARA (ITM). ITM adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang ditugaskan untuk memberi latihan profesional dan separa profesional kepada pelajar Bumiputera untuk memenuhi kekosongan tenaga manusia yang dikehendaki oleh negara khususnya dalam bidang teknologi, pentadbiran, pengurusan dan perniagaan (lihat Foto 6 : Komplex ITM Shah Alam)

Foto 6 : Komplex ITM Shah Alam



Sumber: Penyata Tahunan MARA 1974

## **Sejarah Penubuhan Institut Teknologi MARA**

Mengikut Pengurus MARA, Tun Ghaffar Baba;

"Orang Melayu boleh maju jika mereka mempunyai pencapaian akademik yang baik".<sup>1</sup>

Berasaskan kepada andaian di atas, Tun Ghabar Baba telah membantu kerajaan untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang dikhususkan kepada anak-anak Bumiputera. Di institusi ini nanti, anak-anak Bumiputera akan diambil, dilatih supaya mereka dapat mempelajari ilmu-ilmu di dalam bidang-bidang profesional.

Sejarah penubuhan ITM bermula pada tahun 1956 di bawah pentadbiran RIDA.<sup>2</sup> Salah satu tugas RIDA ialah menubuhkan sebuah pusat latihan untuk melatih penduduk-penduduk luar bandar dalam bidang kemahiran terutama dalam sektor perniagaan dan perdagangan. Untuk mencapai hasrat ini, maka RIDA telah menubuhkan Dewan Latihan RIDA (*RIDA Training College*).<sup>3</sup> Dewan Latihan RIDA adalah satu-satunya institusi latihan dan pendidikan yang berasrama dan memberi latihan kepada belia-belia Bumiputera yang ingin menjalankan perdagangan dan perusahaan sebagai punca

<sup>1</sup> Mohd Taib Osman (et.al), *op.cit*, hlm. 39., Tun Ghafar Baba menjadi Pengurus MARA antara 1 Sept 1967 – 31 Sept 1971

<sup>2</sup> Ministry of Education, *Educational Statistics of Malaysia 1970-1979*, Jabatan Cetak Kerajaan, 1982, hlm. 70.

<sup>3</sup> *Alam MARA*, Bil. 2, Mac/April 1965, hlm. 3.

pendapatannya.<sup>4</sup> Pada permulaannya Dewan Latihan RIDA menyediakan kursus *Stenography* dan *Book Keeping*. Lima tahun kemudian, kursus telah bertambah, iaitu bidang perakaunan dan pentadbiran perniagaan.<sup>5</sup>

Dalam perasmian Dewan Latihan RIDA pada tahun 1957, Tun Dr. Ismail, Menteri Perdagangan dan Industri menjelaskan:

"Dewan Latihan RIDA such agencies that training would be given in commerce and industry to be Bumiputeras so that their economic standard could be raised".<sup>6</sup>

Oleh kerana Dewan Latihan RIDA ingin melatih penduduk luar bandar dalam kursus perdagangan dan industri, maka kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah bersesuaian dengan kehendak kerajaan, justeru itu Dewan Latihan RIDA telah memperkenalkan kursus yang bercorak *professional examination*.<sup>7</sup> Tujuannya supaya lulusan Dewan Latihan RIDA mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, kelayakan masuk ke pusat ini berdasarkan kelulusan akademik yang diiktiraf oleh kerajaan seperti peperiksaan 'GCE' O, Level (*General Certificate of Education*).

Mulai bulan Jun 1961, hanya pelajar-pelajar yang mendapat sijil persekolahan seberang laut sahaja yang diterima masuk ke Dewan Latihan RIDA. Syarat kemasukan ini telah menaikkan taraf Dewan Latihan RIDA dan penaikkan taraf ini telah memberi

<sup>4</sup> RIDA, *Annual Report 1958*, hlm. 19.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Paridah Samad, *op.cit.*, hlm. 219.

<sup>7</sup> RIDA, *Annual Report 1960*, hlm. 26.

peluang kepada pelajar-pelajarnya mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh badan-badan berkanun profesional British dalam bidang pengurusan dan perniagaan. Sebelum ini, peranan Dewan Latihan RIDA hanya memberi latihan kemahiran kepada penduduk luar bandar dalam bidang kemahiran asas seperti membuat sabut, tikar rotan, penyapu dan sebagainya. Apabila kemasukan ke Dewan Latihan RIDA dinaikkan taraf, maka Dewan Latihan RIDA telah memperkenalkan kursus persediaan untuk *London Chamber of Commerce and Industry* (LCCI) pada peringkat tinggi dan pertengahan. Di samping itu, Dewan Latihan RIDA juga memperkenalkan kursus jangka pendek (18 hari) perniagaan bagi belia-belia yang tidak berkelayakan untuk mengikuti kursus profesional tetapi berminat dalam bidang perniagaan. Kursus jangka pendek ini sekadar memberi ilmu pengetahuan dalam bidang pengurusan perniagaan dan penyimpanan kira-kira.

Pada Jun 1965, berikutan dengan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama, RIDA telah dibubarkan dan diganti dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Berikutan dengan pembubaran RIDA kepada MARA. Maka Dewan Latihan RIDA telah diubah nama kepada Maktab MARA.<sup>8</sup> Dan kemudiannya pada tahun 1967, Maktab MARA pula diberi nama baru iaitu Institut Teknologi MARA. Penukaran nama ini telah berkuatkuasa pada 14 Oktober 1967.<sup>9</sup> ITM bukanlah institusi pendidikan Bumiputera yang statik, sebaliknya ia berkembang mengikut arus perkembangan negara. Pada hari ini, ITM telah bertukar setelah ITM sendiri dinaikkan taraf ke peringkat universiti bergelar Universiti Teknologi MARA atau ringkasnya UiTM. Penukaran nama daripada Institut Teknologi

<sup>8</sup> Mengikut Abdul Wahab Ali, Dewan Latihan RIDA yang ditubuhkan pada tahun 1956 telah diubah namanya menjadi Maktab MARA adalah disebabkan oleh desakan dan saranan ahli-ahli Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama pada tahun 1965, lihat *Berita Minggu, 1970-1979*, hlm. 70.

<sup>9</sup> *Educational Statistics of Malaysia, 1970-1979*, hlm. 70.

MARA kepada Universiti Teknologi MARA telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Stadium Melawati, Shah Alam pada 26 Ogos 1999.<sup>10</sup>

Tuntutan bertaraf universiti telah lama diperjuangkan oleh pelajar-pelajar ITM, misalnya pada 29 April 1973, pelajar-pelajar ITM telah mengadakan tunjuk perasaan mendesak pihak kerajaan khususnya Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin menaikkan taraf institut kepada status universiti. Bagaimanapun, tunjuk perasaan itu dapat dipatahkan oleh pihak polis dan seramai 181 pelajar telah ditahan dan ada di antara mereka didakwa di mahkamah atas alasan mengadakan perhimpunan haram. Hasil tunjuk perasaan tersebut, maka pihak kerajaan telah bersetuju memberi pengiktirafan beberapa kursus di ITM bertaraf ijazah.<sup>11</sup> Namun demikian kerajaan bertegas tidak akan mengubah nama ITM dan ITM kekal sebagai sebuah institut. Kesan daripada tunjuk perasaan penuntut-penuntut ITM dan beberapa institusi pengajian tinggi terhadap kerajaan, maka pada tahun 1976; kerajaan telah memperkenalkan Akta Kolej dan Universiti. Akibat daripada pengenalan akta ini, kegiatan pelajar khususnya pelajar ITM terarah kepada pencapaian akademik dan tuntutan untuk menaikkan taraf ke status universiti oleh pelajar ITM semakin membisu. Isu lain yang muncul di kalangan pelajar ialah mereka dengan berani mengkritik Akta Kolej dan Universiti yang menyekat kebebasan mereka terlibat dalam arus perdana politik negara. Bagi pihak kerajaan, akta ini berjaya membawa kepada keamanan dan keharmonian masyarakat kampus dan secara umum dapat mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial pada peringkat negara.

<sup>10</sup> *Utusan Malaysia*, 4 November 2000.

<sup>11</sup> Paridah Abdul Samad, *op.cit.*, hlm. 223.

Sesungguhnya perjuangan penuntut-penuntut ITM diawal 1970-an tidaklah sia-sia malah telah mendatangkan hasil 30 tahun kemudiannya apabila kerajaan menaikkan taraf ITM ke status universiti pada tahun 1999. Dengan kenaikan taraf berstatus universiti, UiTM adalah pusat pengajian tinggi yang terbesar di Malaysia ketika ini dengan jumlah pensyarahnya seramai 3,000 orang, 2,000 tenaga kerja sokongan dan seramai 60,000 pelajar. Mereka ini adalah penyumbang tenaga kerja ke arah pembangunan negara.

### **Struktur Pentadbiran ITM**


Pada permulaannya penubuhan ITM, terdapat lima bahagian yang mengendalikan pentadbiran ITM. Kelima-kelima bahagian tersebut ialah:

- (i) Bahagian Perkhidmatan Pentadbiran
- (ii) Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan
- (iii) Bahagian Pentadbiran Kewangan
- (iv) Bahagian Akademik

Kelima-kelima bahagian ini mempunyai peranan masing-masing dan saling berhubungan untuk memantapkan perkhidmatan dan pentadbiran ITM. Rajah 8 menunjukkan struktur pentadbiran ITM.

RAJAH 8

**STRUKTUR PENTADBIRAN ITM**



Berdasarkan Rajah 8, ITM diketuai oleh seorang Pengarah<sup>12</sup> dan bahagian-bahagian di bawahnya diketuai oleh Dekan. Dekan Hal Ehwal Pelajar dilantik oleh Kementerian Pendidikan. Bahagian Hal Ehwal Pelajar bertanggungjawab menjaga kebijakan pelajar seperti senggaraan asrama, penyediaan makanan pelajar, bimbingan dan kaunseling pelajar serta kemudahan rawatan pelajar. Bahagian kewangan pula bertanggungjawab ke atas penyediaan dan kawalan kewangan seperti pengurusan kewangan, audit dan pengurusan bantuan kewangan pelajar. Bahagian Perpustakaan bertanggungjawab ke atas penyediaan buku-buku untuk rujukan pelajar di samping mengendalikan kursus kajian perpustakaan. Bahagian Pentadbiran pula bertanggungjawab ke atas kebijakan kakitangan dan pengurusan pengambilan pelajar.

Dekan-dekan akademik pula berperanan sebagai penyelaras program pendidikan di ITM. Pada tahun 1969 terdapat 9 sekolah di ITM,<sup>13</sup> sekolah-sekolah tersebut ialah:

- (i) Sekolah Perakuanan
- (ii) Sekolah Komputer Sains

<sup>12</sup> Pengarah ITM mengikut susunan semula dari pusat latihan RIDA ialah:  
Pengetua Dewan Latihan RIDA

1956 – Syed Alwi Syed Sheikh Alhadi  
1958 – Abdul Samad Ibrahim  
1959 – Basha Merican  
Pengetua Maktab MARA  
1965 – Encik Arshad Ayub  
Pengarah ITM  
1967 – Tan Sri Dato' Arshad Ayub  
1975 – Dato' Tuan Haji Lokman Musa  
1978 – Tan Sri Prof. Dato Dr. Awang Had Salleh  
1980 – Dato; Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid  
1986 - Dato' Hj. Mohd Mansor Hj Salleh  
1993 – Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee Ladin

dipetik dalam Abdullah Zakaria Ghazali (et.al), Malaysia: Tokoh Dulu dan Kini, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 261.

<sup>13</sup> *Penyata Tahunan MARA 1969*, hlm. 44.

- (iii) Sekolah Arkitek, Rekabentuk dan Senireka
- (iv) Sekolah Pengurusan Pentadbiran dan Undang-undang
- (v) Sekolah Sains Gunaan
- (vi) Sekolah Pengurusan dan Perniagaan
- (vii) Sekolah Kejuruteraan
- (viii) Sekolah Pengurusan Hotel
- (ix) Sekolah Pengajian Pra-Universiti

Di antara sekolah-sekolah pengajian tersebut, ada di kalangan sekolah menyediakan satu atau lebih kursus profesional kepada pelajar-pelajar ITM dan pada tahun 1969, terdapat 42 jenis kursus yang ditawarkan.<sup>14</sup> Sehingga tahun 1976, ITM telah menawarkan 14 bidang pengajian dengan 81 jenis kursus kepada anak-anak Bumiputera dalam bidang profesional. Jadual 42 menunjukkan senarai kursus anjuran ITM sehingga tahun 1976.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

Jadual 42  
Senarai Kursus Anjuran ITM Sehingga 1976

<b>Bil.</b>	<b>School of Study</b>	<b>Course of Study</b>
1.	<i>School of Accountancy</i>	<i>a. Diploma In Accountancy</i> <i>b. Institute of Cost and Management Accountancy</i> <i>c. Association of Certified Accountants</i> <i>d. Malaysian Association of Certified Public Accountants</i>
2.	<i>School of Administration and Law</i>	<i>a. Diploma In Public Administration</i> <i>b. Institute of Chartered Secretaries and Administrators</i> <i>c. Bachelor of Laws</i>
3.	<i>School of Applied Science</i>	<i>a. Diploma In Science</i> <i>b. Diploma In Wood Technology</i> <i>c. Diploma In Microbiology</i> <i>d. Diploma In Planting Industry and Management</i> <i>e. Diploma In Rubber and Plastic Technology</i> <i>f. Diploma In Industrial Chemistry</i> <i>g. Diploma In Animal Health and Production</i> <i>h. Diploma In Food Technology</i> <i>i. Diploma In Textile Technology</i>
4.	<i>School of Architecture, Planning and Surveying</i>	<i>a. Pre-Diploma In Architecture and Building</i> <i>b. Diploma In Architecture</i> <i>c. Diploma In Building</i> <i>d. Diploma In Town and Regional Planning</i> <i>e. Diploma In Interior Design</i> <i>f. Certificate In Town and Regional Planning</i> <i>g. Diploma In Quantity Surveying</i> <i>h. Diploma In Estate Management</i> <i>i. Advanced Diploma In Quantity Surveying</i> <i>j. Advanced Diploma In Town and Regional Planning</i>
5.	<i>School of Art and Design</i>	<i>a. Diploma In Integrated Design</i> <i>b. Diploma In Industrial Design</i> <i>c. Diploma In Fine Arts</i> <i>d. Diploma In Fine Arts</i>

		e. <i>Diploma In Graphic</i> f. <i>Diploma In Textile</i> g. <i>Diploma In Fashion</i>
		h. <i>Art Teacher Diploma</i> i. <i>Diploma In Pottery Ceramics</i> j. <i>Diploma In Fine Metal</i> k. <i>Diploma In Photography</i> l. <i>Pre-Diploma In Art and Design</i>
6.	<i>School of Business Management</i>	a. <i>Diploma In Business Studies</i> b. <i>Diploma In Banking Studies</i> c. <i>Diploma In Credit Management</i> d. <i>Advanced Diploma In Business Administration</i> e. <i>Diploma In Marketing</i> f. <i>Diploma In Chartered Institute of Insurance</i> g. <i>Bachelor of Business Administration</i>
7.	<i>School of Math and Computer Science</i>	a. <i>Diploma In Institute of Statistician</i> <i>Diploma In Computer Science</i> <i>Diploma Actuarial Science</i> b. <i>Diploma In Statistics</i> c. <i>Diploma In System Analysis</i> d. <i>Diploma In Certificate Programming</i>
8.	<i>School of Engineering</i>	a. <i>Diploma In Civil Engineering</i> b. <i>Diploma In Mechanical Engineering</i> c. <i>Diploma In Electrical Engineering</i> d. <i>Diploma In Land Surveying</i> e. <i>Diploma In Electronic Engineering</i> f. <i>Pre-Diploma Engineering</i> g. <i>Advanced Diploma In Civil Engineering</i> h. <i>Advanced Diploma In Mechanical</i> i. <i>Advanced Diploma In Electronics Engineering</i> j. <i>Advanced Diploma In Electrical Engineering</i>
9.	<i>School of Hotel and Catering Management</i>	a. <i>Diploma In Hotel and Catering Management</i> b. <i>Diploma In Chief Training</i> c. <i>Diploma In Institutional Catering Management</i> d. <i>Diploma In Tourism Administration</i> e. <i>Diploma In Hotel and Restaurant Service</i>
10.	<i>School of Preparatory</i>	a. <i>Preparatory 01</i> b. <i>Preparatory 02</i> c. <i>Preparatory 03</i> d. <i>Preparatory Studies/Secretarial Science</i>

11.	<i>School of Library Science</i>	a. <i>Diploma In Library Science</i> b. <i>Post Graduate Diploma In Library Science</i>
12.	<i>School of Communication</i>	a. <i>Diploma In Mass Communication</i> b. <i>Diploma In Advertising</i> c. <i>Diploma In Journalism</i> d. <i>Diploma In Public Relation</i> e. <i>Diploma In Broadcasting</i>
13.	<i>School of Secretarial</i>	a. <i>Diploma In Stenography</i> b. <i>Certificate In Book Kepping.</i>
14.	<i>MEDEC</i>	a. <i>Master of Science In Economics</i> b. <i>Advanced Diploma In Small Business</i> c. <i>Master Art In Economics</i>

Sumber: Ministry of Educational Statistics of Malaysia 1970-1979

Merujuk kepada jadual 42, sehingga tahun 1979, ITM menawarkan 14 bidang pengajian iaitu bidang pengajian iaitu Kajian Perakaunan, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang, Kajian Sains Gunaan, Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur, Kajian Senilukis dan Senireka, Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Kajian Sains Komputer dan Perangkaan, Kajian Kejuruteraan, Kajian Hotel dan Pengurusan Penanggahan, Kajian Persediaan, Kajian Sains Perpustakaan, Kajian Sebaran Am, Kajian Kesetiausahaan dan MEDEC.

### **Perkembangan Sistem Pendidikan Di ITM**

Bilangan penuntut ITM di zaman Dewan Latihan RIDA tidaklah begitu ramai. Ini kerana Dewan Latihan RIDA hanya memberi peluang kepada belia-belia luar bandar yang pendidikan Inggeris.<sup>15</sup> Oleh kerana memberi peluang kepada belia-belia

---

<sup>15</sup> Ibid., hlm. 219.

berpendidikan Inggeris, maka tidak ramai di kalangan belia-belia tempatan berkesempatan memasuki Dewan tersebut. Jadual 43 menunjukkan bilangan penuntut ITM dari tahun 1956 hingga 1968.<sup>16</sup>

**Jadual 43**  
**Bilangan Penuntut ITM Dari Tahun 1956-1968**  
**(Angka tiap-tiap penghujung tahun)**

Tahun	Penuntut	Pensyarah	Kakitangan
1956	25	-	-
1957	25	-	-
1958	24	-	-
1959	12	-	-
1960	45	-	-
1961	92	5	9
1962	156	7	13
1963	175	8	16
1964	180	9	13
1965	219	9	11
1966	551	21	32
1967	1,491	84	71
1968	2,329	132	163
1969	2,557		
Jumlah	7,857		

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1968, hlm. 32.

Berdasarkan jadual 43, pelajar ITM pada tahun 1956 dan 1957 ialah seramai 25 orang. Jumlah tersebut telah berkurangan kepada 34 pelajar pada tahun 1958 dan terus berkurangan kepada 12 pelajar pada tahun 1959. Pada tahun 1960, jumlah pelajar telah meningkat agak banyak berbanding dengan sebelumnya iaitu seramai 45 pelajar. Ini

<sup>16</sup> Untuk membincangkan perkembangan pelajar-pelajar ITM, pengkaji membahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama dan fasa kedua. Fasa pertama ialah sebelum DEB dan fasa kedua ialah selepas DEB. Pembahagian dua fasa ini amat penting kerana dasar negara telah berubah selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Dengan tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan telah merevolusikan sistem pendidikan di mana pendidikan kaum Bumiputera diberi keutamaan. Tujuannya untuk mengimbangi penguasaan sesuatu kaum dalam sektor pendidikan. Sebelum DEB kerajaan tidak menekankan kepada keseimbangan kaum sebaliknya menekankan kepada kesamaan pendidikan.

bermakna dalam Rancangan Malaya pertama iaitu dari tahun 1956-1960, jumlah pelajar ITM hanyalah berjumlah 131 orang sahaja.

Merujuk kepada jadual 43 juga, pelajar ITM dalam Rancangan Malaya Kedua tidaklah bertambah dengan ketara walaupun negara telah mencapai kemerdekaan. Keadaan ini dapat dilihat apabila kita merujuk kepada jumlah pelajar pada tahun 1961-1965. Pada tahun 1961, jumlah pelajar ITM ialah seramai 92 orang sahaja dan jumlah ini meningkat kepada 156 orang pada tahun 1962 dan meningkat kepada 175 orang pada tahun 1963. Jumlah pelajar pada tahun 1964 pula ialah seramai 180 orang dan pada tahun 1965 ialah seramai 219. Sehubungan dengan itu, jumlah pelajar ITM dari tahun 1961-1965 ialah seramai 823 orang.

Pada tahun 1966, jumlah pelajar ITM ialah seramai 551 pelajar dan telah meningkat kepada 1,491 pada tahun 1967. Jumlah pelajar ITM terus meningkat kepada 2,329 pada tahun 1968. Peningkatan ini amat ketara dari tahun 1966-1968 berbanding dengan tahun sebelumnya kerana dipengaruhi oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama yang berlangsung pada tahun 1965. Hasil daripada kongres ini, MARA menambah pengambilan pelajar Bumiputera dengan banyaknya. Oleh kerana MARA lahir mengantikan RIDA hasil daripada kongres, ia telah memegang amanah untuk memajukan Bumiputera. Serentak dengan amanah itu, MARA diberi peranan membantu, membimbing dan mendorong Bumiputera untuk maju, khususnya dalam bidang pendidikan dan perindustrian. Dengan amanah yang diberikan, maka MARA telah menggiatkan usaha pengambilan pelajarnya, pada tahun 1969; jumlah pelajar ITM ialah

seramai 2,557 dan pada tahun 1970, jumlah pelajarnya ialah seramai 3000 orang.<sup>17</sup> Apa yang dapat disimpulkan, bahawa apabila MARA mengambil alih peranan RIDA dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970). Maka MARA berjaya menambahkan pelajar ITM kepada 10,857 orang. Semasa RIDA iaitu dari tahun 1956-1965, jumlah pelajar ITM hanyalah seramai 954 pelajar sahaja. Jumlah pelajar ITM yang berlipat ganda dalam Rancangan Malaysia Pertama berbanding dengan dua rancangan pembangunan negara sebelumnya menunjukkan betapa besarnya jasa MARA dalam membantu, menolong dan mendorong pelajar-pelajar Bumiputera dalam bidang pendidikan.

Merujuk kepada jadual 43 juga, jumlah pensyarah ITM juga terus meningkat dari setahun ke setahun. Bermula dengan 5 orang pensyarah pada tahun 1961, maka jumlah itu semakin meningkat dari setahun ke setahun sehingga mencapai 132 orang pensyarah pada tahun 1968. Di samping pensyarah, kumpulan sokongan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan di ITM. Pada tahun 1961, jumlah kakitangan ITM ialah seramai 9 orang dua dari jumlah tersebut, kakitangan ITM terus bertambah dan pada tahun 1968 jumlah kakitangan ITM ialah seramai 163 orang.

Setelah DEB dilancarkan, jumlah kakitangan akademik semakin bertambah misalnya pada tahun Januri 1971, jumlah kakitangan akademiknya ialah seramai 163 orang dan meningkat kepada 188 orang pada Disember 1971.<sup>18</sup> Pada tahun 1973, jumlah

<sup>17</sup> Jumlah pelajar ITM berkurangan pada tahun 1969 kerana pada tahun tersebut telah berlaku titik hitam dalam sejarah negara iaitu berlakunya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Apabila negara pulih kembali pada tahun 1970, maka MARA menggiatkan usaha pengambilan pelajar ITM dan pada tahun 1970, jumlah pelajar ITM mencecah 3,000 pelajar. Bagaimanapun jumlah ini masih belum menepati matlamat kerana sasaran MARA ialah 4,500 penuntut setahun. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1969*, hlm. 4.

<sup>18</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 11.

keseluruhan kakitangan ITM ialah seramai 864 orang iaitu 294 ialah kakitangan akademik dan 570 bukan akademik. Pada tahun 1973 juga, ITM telah menerima seramai 34 orang sukarelawan-sukarelawan daripada luar negeri.<sup>19</sup> Jumlah kakitangan ITM terus meningkatkan kepada 1,205 pada tahun 1974 iaitu seramai 390 kakitangan akademik dan 815 kakitangan bukan akademik.<sup>20</sup>

Perkembangan ITM bukan sahaja dapat dilihat melalui perkembangan jumlah pelajar dan kakitangan akademik dan kumpulan sokongan tetapi juga melalui perkembangan kampusnya. Semasa merasmikan bangunan tambahan Maktab MARA pada 7.4.1967, YAB Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussin menjelaskan:

“.....kerajaan sekarang ini akan cuba mengubahkan dasar pelajaran yang lama, yang hanya memberi peluang kepada Bumiputera menjadi kakitangan awam yang berkhidmat dengan kerajaan sahaja. Kerajaan berharap, hasratnya akan berjaya untuk mengisi gudang-gudang dan perdagangan dengan penuntut-penuntut Bumiputera yang berkelayakan bagi mengantikan tempat-tempat yang sekarang diisi oleh orang-orang dagang”.<sup>21</sup>

<sup>19</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 23.

<sup>20</sup> *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 23.

<sup>21</sup> Lihat ucapan Tun Abdul Razak Hussin semasa upacara merasmikan bangunan tambahan Maktab MARA pada 7.4.1967 dalam *Berita MARA*, Bil. 1, April 1967, hlm. 32.

Mengikut Pengarah Bahagian Latihan MARA, Encik Mansor bin Othman,<sup>22</sup> penambahan bangunan, bilangan pensyarah dan lain-lain kemudahan di Maktab MARA adalah berasaskan kepada faktor-faktor berikut:<sup>23</sup>

- (i) Penyambungan dari hasrat Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah bersidang pada Jun 1965.
- (ii) Menambahkan bilangan Bumiputera yang mempunyai kelayakan yang diakui untuk berkhidmat dalam semua bidang perusahaan dan perdagangan.
- (iii) Sedikit demi sedikit melegakan kebimbangan Bumiputera terhadap kekurangan mereka dalam bidang profesional.

Perkembangan Maktab MARA seterus berlaku apabila kerajaan memperuntukkan sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam sebagai tapak tetapnya.<sup>24</sup> YAB Tun Abdul Razak bin Hussein, pada ketika itu sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mengubah nama MARA kepada ITM semasa meletakkan batu asas kampus induknya di Shah Alam

<sup>22</sup> Encik Mansor bin Othman (Dato') dilahirkan di Kuala Pilah pada 12 Januari 1924. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kuala Pilah, Sekolah Menengah Tengku Muhammad, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Kolej Raffles di Singapura dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya pada tahun 1951-1953. Setelah mendapat ijazah dari Universiti Malaya, beliau telah berkhidmat sebagai pegawai pendidikan pada tahun 1953. Beliau seterusnya bekerja dengan pihak *Shell Federation of Malaya Ltd* sebagai Pengurus Perkhidmatan Pemasaran sepanjang tahun 1957 hingga 1964. Pada tahun 1965, beliau berkhidmat dengan MARA dan mengetua Bahagian Latihan MARA. Semasa mengetua Bahagian Latihan MARA, beliau di antara perintis berusaha mewujudkan Institut Teknologi MARA, Institut Kemahiran MARA dan Yayasan Pelajaran MARA. Kemuncak kerjaya beliau ialah apabila beliau dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan mulai tahun 1969 hingga 1978.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Tapak tetap Maktab MARA ini telah diusulkan oleh peserta-peserta Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama. Usul tersebut berbunyi "Bawanya kerajaan negeri Selangor didesak sekutu-kuatnya supaya memperuntukkan sebidang tanah di Batu Tiga untuk Maktab MARA yang baru yang luasnya tidak kurang daripada 100 ekar. Lihat Usul Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama untuk MARA (Lampiran 2).

pada 14 Oktober 1967.<sup>25</sup> Pada tahun 1972, kampus induk di Shah Alam telah mulai digunakan. Dengan tertubuhnya ITM ini, maka MARA telah berjaya melangkah setapak lagi dalam perkembangan pelajaran di Malaysia. Justeru itu, bermula di Shah Alam inilah bermulanya zaman kegemilangan ITM sebagai institusi pendidikan Bumiputera yang terulung. Dari kampus ini, ITM mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan Sabah<sup>26</sup> pada Julai 1973, Perlis pada tahun 1974<sup>27</sup> dan Dungun, Terengganu pada tahun 1975. Pada peringkat permulaan, kampus-kampus cawangan ini hanya sebagai pembantu kepada kampus pusat di Shah Alam. Di kampus cawangan, pelajar-pelajar diajar mata pelajaran tahun pertama sahaja dan sesudah menamatkan tahun pertama di kampus cawangan, mereka dipindahkan ke kampus pusat di Shah Alam untuk mengikuti bidang pengajian seterusnya. Pada hari ini, semua negeri di Malaysia telah mempunyai cawangan ITM.<sup>28</sup>

Selepas DEB dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), pelajar-pelajar ITM semakin bertambah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Jadual 44 menunjukkan jumlah pelajar ITM dari tahun 1971-1973 mengikut kursus yang mereka ikuti.

<sup>25</sup> Pengetua Maktab MARA, semasa penukaran nama kepada ITM ialah Encik Arshad Ayub. Mengenangkan jasa beliau, maka MARA menganugerahkan tokoh RIDA-MARA kepada beliau semasa sambutan Jubli Emas RIDA MARA pada 4 November 2000.

<sup>26</sup> Kampus cawangan Sabah dibuka dengan rasminya oleh Tun Datu Haji Mustapha pada 17 Ogos 1973. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 23.

<sup>27</sup> Kampus cawangan Perlis ditubuhkan pada 5 Ogos 1974. Pengambilan pelajar pertamanya seramai 246 orang. Untuk sementara waktu, kampus cawangan ini ditempatkan di Kangar sementara menunggu kampus tetapnya di Arau siap. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 23.

<sup>28</sup> Sehingga November 2000, terdapat 14 buah kampus cawangan ITM (UiTM) di seluruh negara. Menurut Pengurus Pengarah UiTM, Tan Sri Wira Abdul Rahman Arshad, 'detik paling bersejarah perkembangan RIDA-Maktab MARA-ITM ialah penukaran status institut kepada sebuah universiti pada 26 Ogos 1999. Lihat *Utusan Malaysia*, 4 November 2000.

**Jadual 44**  
**Bilangan Penuntut ITM Pada Tahun 1971, 1972 dan 1973**  
**(Mengikut Kursus)**

Kajian	1971 <sup>29</sup>	1972	1973 <sup>30</sup>
Kursus Perakaunan	367	580	791
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang	378	537	619
Kajian Perniagaan dan Pengurusan	380	556	752
Kajian Sains Komputer dan Perangkaan	117	153	187
Kajian Sains Gunaan	225	360	444
Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur	410	264	377
Kajian Senilukis dan Senireka		257	284
Kajian Kejuruteraan	128	265	292
Kajian Pengajian Pra Universiti	312	544	254
Kajian Sains Perpustakaan	17	38	75
Kajian Hotel dan Pengurusan Penanggahan	116	111	112
Kajian Massa Communication	-	39	70
Kajaian Persediaan	268	147	235
Jumlah	2,718	3,851	4,492

Sumber: Diolah Berdasarkan Penyata Tahunan MARA 1971, 1972 dan 1973

Merujuk kepada jadual 44, jumlah pelajar ITM terus meningkat dengan banyaknya apabila kerajaan memperkenalkan DEB. Pada tahun 1971, jumlah pelajar ITM ialah seramai 2,718 orang dan meningkat kepada 3,851 pelajar pada tahun 1972. Pada tahun 1973, jumlah pelajar ITM ialah sebanyak 4,492 orang iaitu peningkatan sebanyak 16.6% daripada tahun sebelumnya.

<sup>29</sup> Perangkaan tersebut setakat Ogos 1971.

<sup>30</sup> Perangkaan tersebut setakat Oktober 1973.

Untuk tahun 1974, seramai 2,761 pelajar-pelajar baru telah didaftarkan dan bilangan ini melebihi 850 pelajar berbanding dengan pengambilan tahun sebelumnya. Ini bermakna jumlah besar pelajar ITM pada tahun 1974 ialah seramai 5,671 pelajar.<sup>31</sup> Pada tahun 1974 juga, ITM telah menempa sejarahnya apabila ITM berjaya mengembangkan sayapnya ke Perlis. Kampus cawangan Perlis ditubuhkan pada 5 Ogos 1974. Ini bermakna sehingga 1974, ITM telah mempunyai 3 kampus cawangan iaitu di Sabah, Sarawak dan Perlis. Kampus Sabah dan Sarawak telah memulakan pengambilan pelajarnya pada tahun 1973.<sup>32</sup> Jadual 45 pula menunjukkan jumlah pelajar ITM dari tahun 1976/1977 hingga tahun 1979/1980.

---

<sup>31</sup> *Penyata Tahunan MARA 1974*, hlm. 23.

<sup>32</sup> Pada peringkat pertama pengambilan pelajar baru di kampus barunya di Perlis ialah seramai 246 orang. Untuk sementara waktu, kampus cawangan Perlis ditempatkan di Kangar sementara menunggu kampus tetapnya di Arau siap. Pada tahun yang sama (1974), kampus cawangan Sarawak dan Sabah telah masing-masing mengambil pelajar seramai 168 (Sarawak) dan 184 (Sabah). Pada peringkat permulaan, kampus-kampus cawangan hanya sebagai pembantu kepada kampus pusat di mana mata pelajaran tahun pertama sahaja yang diajar. Sesudah tamat latihan pertama, pelajar-pelajar di kampus cawangan akan dipindahkan ke kampus pusat di Shah Alam untuk meneruskan pengajian mereka.

**Jadual 45**  
**Institut Teknologi MARA – Jumlah Pelajar Mengikuti Kursus**  
**Dari Tahun 1976/1977 – 1979/1980**

Kajian	1976/77	1977/78	1978/79	1979/80
Kajian Kejuruteraan	972	1,171	1,417	1,557
Kajian Hotel dan Pengurusan Katering	321	342	339	327
Kajian Pentadbiran Dan Undang-undang	551	499	747	645
Kajian Perakaunan	1,281	1,038	1,304	1,112
Kajian Pengurusan Perniagaan	1,619	1,319	1,856	1,814
Kajian Sains Gunaan	833	563	606	590
Kajian Sins Komputer dan Matematik	257	257	313	343
Kajian Sains Perpustakaan	87	85	82	82
Kajian Komunikasi Massa	151	139	140	148
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur	579	489	481	445
Kajian Senilukis dan Seni Reka	298	210	319	346
Pra Universiti Dan Kursus Persediaan	299	129	281	221
Kajian Kesetiausahaans	404	235	455	491
MEDEC	39	17	20	-
Kajian Ekonomi	-	-	-	18
Jumlah	7,691	6,511	8,360	7,494

Sumber: Educational Statistic of Malaysia 1976-1979

Merujuk kepada jadual 45, jumlah pelajar ITM semakin meningkat apabila Rancangan Malaysia ketiga dilaksanakan. Pada tahun 1976/77, jumlah pelajar ITM ialah seramai 7,691 orang. Pada tahun berikutnya iaitu pada 1977/78, jumlah pelajar ITM telah berkurangan kepada 6,511 orang dan pada tahun 1978/1979, jumlah pelajar ITM telah meningkat kepada 8,360 orang. Pada tahun 1979/80, jumlah pelajar ITM telah berkurangan kepada 7,949 orang. Peningkatan pelajar ITM secara mendadak ini kerana terdapat pertukaran pentadbiran induk ITM dari pentadbiran MARA kepada kendalian

Kementerian Pendidikan.<sup>33</sup> Keadaan ini berlaku apabila akta ITM diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Jun 1976. Dengan ujudnya Akta ITM ini, maka ITM diletakkan terus di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan. Dengan lulusnya akta tersebut, hilanglah ITM dari naungan MARA dan berakhirlah kaitan ITM dengan ibu kandungnya iaitu MARA. Namun begitu, hubungan tetap rapat antara ITM dengan MARA kerana Ketua Pengarah MARA menjadi Ahli Majlis ITM yang tetap. Langkah MARA seterusnya setelah ITM hilang dari pangkuannya ialah dengan memperbanyakkan penubuhan IKM dan MRSM sebagai langkah menyediakan anak-anak Bumiputera berkemahiran dan terpelajar untuk dibekalkan ke institusi pengajian tinggi samada di dalam atau di luar negeri.

Perkembangan ITM juga boleh dilihat melalui jumlah graduan yang dikeluarkan semenjak ia ditubuhkan. Jadual 46 menunjukkan jumlah graduan yang dikeluarkan mengikut kajian dari tahun 1964 hingga tahun 1969.

---

<sup>33</sup> Menyentuh mengenai pentadbiran ITM, pentadbiran ITM sentiasa bertukar agensi sesuai dengan pekembangan semasa. Pada mulanya ITM di bawah pentadbiran RIDA dan setelah MARA diasaskan, ITM berpindah di bawah Bahagian Latihan MARA. Bermula Mac 1970, ITM mula badan bebas dan diasingkan terus daripada Bahagian Latihan MARA, sebaliknya ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan dikelolakan oleh sebuah majlis sendiri. Pengurus pertamanya ialah YB Tan Sri Ghazali Shafie. Pada tahun 1976, ITM telah berpindah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan dan pada tahun 1979, pentadbiran ITM telah diberi kuasa autonomi dan ianya ditadbir oleh ahli majlis sendiri.

Jadual 46  
Graduan ITM Dari Tahun 1964-1969

Kursus <sup>34</sup>	1964	1965	1966	1967	1968	1969	Total
Perakaunan	8	7	10	2	13	7	47
Kesetiausahaanaan	19	6	22	14	28	24	103
B.I.M	2	3	17	0	-	-	32
Pengajian Perniagaan	-	-	-	14	18	31	63
Purchasing	-	-	-	-	-	4	4
<i>Stenography</i>	21	28	26	71	119	153	409
	50	44	75	101	178	209	667

Sumber: Diolah dari Penyata Tahunan MARA 1966-1969

Jumlah graduan keluaran ITM pada peringkat penubuhannya tidaklah memberangsangkan. Pada tahun 1964, ITM hanya berjaya mengeluarkan lepasannya seramai 50 orang dan jumlah lepasannya menurun kepada 44 orang pada tahun 1965. Jumlah lepasannya meningkat kepada 75 orang pada tahun 1966 dan seterusnya meningkat kepada 101 orang pada tahun 1967. Pada tahun 1968, jumlah lepasan ITM ialah seramai 178 dan pada tahun 1969, jumlah lepasannya ialah seramai 209. Jadual 46 juga menunjukkan dari tahun 1964 hingga 1969, ITM hanya berjaya mengeluarkan graduannya seramai 667 orang. Antara kajian yang paling banyak mengeluarkan graduannya ialah kursus 'stenography' dan kursus Kesetiausahaanaan.

Setelah berlakunya peristiwa 13 Mei, maka jumlah graduan ITM telah berlipat ganda berbanding dengan tahun sebelumnya. Ini kerana kerajaan telah mulai sedar akan

---

<sup>34</sup> Kursus yang ditawarkan oleh ITM pada awal penubuhannya ialah kursus-kursus yang dianjurkan oleh badan-badan iktisas luar negara dan pelajar ITM dikehendaki mengambil peperiksaan anjuran badan tersebut, misalnya dalam kursus perakaunan, pelajar-pelajar ITM mengambil peperiksaan *Institute of Cost and Works Accountant*, United Kingdom. Bagi kursus kesetiausahaanaan, pelajar ITM mengambil peperiksaan *Corporation of Certified Secretaries*, United Kingdom. *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 19.

ketinggalan kaum Bumiputera dalam bidang profesional. Untuk mencapai hasrat itu, maka ITM menjadi gedung pengeluaran tenaga profesional Bumiputera. Jadual 47 menunjukkan peranan dan sumbangan ITM dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga dalam mewujudkan tenaga profesional muda Bumiputera.

**Jadual 47**  
Graduan ITM Dari Tahun 1971-1979

Jumlah Graduan	1971	1973	1974	1975	1976/77	1977/78	1978/79
Perakaunan	29	-	-	106	235	235	282
Pentadbiran & Undang-Undang	37	-	-	65	120	159	157
Senibina, Perancangan & Ukur	-	-	-	92	166	145	174
Senilukis & Senireka	45	-	-	67	78	73	79
Sains Gunaan	-	-	-	208	285	224	167
Pengurusan & Pentadbiran	-	-	-	216	473	389	414
Kejuruteraan	-	-	-	158	124	130	271
Pengurusan Hotel	18	-	-	35	77	97	83
Sains Perpustakaan	-	-	-	38	29	28	29
Perhubungan Awam	-	-	-	33	42	56	43
Sains Kesetiausahaan	-	-	-	61	124	72	99
Sains Komputer & Matematik	-	-	-	55	100	49	64
Sains Ekonomi	-	-	-	-	-	8	-
Jumlah	257	301	420	1055	1882	1665	1862

Sumber: Diolah dari Penyata Tahunan MARA 1971, 1973, 1974 dan Educational Statistics of Malaysia 1976-1979.

Merujuk kepada jadual 47, jumlah graduan ITM sentiasa meningkat mengikut keperluan semasa. Pada tahun 1971, seramai 257 pelajar telah menamatkan kursus mereka di ITM dan jumlah graduan ITM telah meningkat kepada 301 pada tahun 1973 dan seterusnya meningkat kepada 420 graduan pada tahun 1974 dan 1,055 graduan pada tahun 1975/76. Dalam era Rancangan Malaysia Ketiga, jumlah graduan telah meningkat dua kali ganda berbanding dengan rancangan Malaysia sebelumnya. Dalam Rancangan

Malaysia Ketiga, milasnya pada sesi 1976/77, graduan ITM ialah seramai 1,882 dan pada sesi 1977/78; jumlah graduan ITM telah kekurangan sedikit daripada tahun sebelumnya iaitu seramai 1,665 pelajar. Jumlah graduan ITM telah meningkat kembali pada sesi 1978/79 iaitu seramai 1,862 pelajar. Ini bermakna jumlah graduan ITM dari sesi 1975/1976 hingga ke sesi 1978/1979 ialah seramai 6,465 pelajar. Dengan 6,465 graduan dalam tempoh 4 tahun, maka dapat disimpulkan bahawa ITM adalah institusi pendidikan Bumiputera yang terulung dalam melatih tenaga muda profesional negara. Tenaga muda inilah yang menyumbangkan tenaga untuk memajukan negara dan serentak dengan itu dapat mengurangkan jurang perbezaan tenaga profesional antara kaum di Malaysia.

### **Sumbangan ITM Dalam Kancah Pendidikan Negara**

Dalam konteks pembangunan negara, MARA telah diberi kepercayaan untuk menjadikan pendidikan sebagai alat untuk memodenkan masyarakat Bumiputera. Justeru itu, ITM telah diberi peranan penting dalam kemajuan perbandaran orang Melayu dan Bumiputera dengan melebihkan lagi penyertaan mereka dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden dan seterusnya menghasilkan perkembangan daya pengeluaran dan pendapatan mereka. Jadual 46 menunjukkan usaha tegas MARA dalam melahirkan dan membanyakkan golongan profesional Bumiputera melalui ITM.

**Jadual 48**  
**Perkembangan Sistem Pelajaran Malaysia Barat 1965 dan 1970**

Peringkat	1965		1970		Tambah/ Kekurangan	
	Bil. Pusat	Pelajar	Bil. Pusat	Pelajar	Pertambahan	%
Peringkat Maktab	3	1,016	5	5,228	4,212	414.6%
Maktab Teknik	1	684	1	943	259	37.9%
Politeknik Ungku Omar	-	-	1	290	290	-
Kolej Pertanian	1	113	1	586	473	418.6%
KTAR	-	-	1	1,034	-	-
ITM	1	219	1	2,375	2,156	984.5%
Peringkat Universiti	1	2,835	1	8,505	5,670	200.0%
UM	1	2,835	1	8,505	5,217	184.0%
USM	-	-	1	262	262	-
UKM	-	-	1	191	191	-
Jumlah		3,851		13,733		

Sumber: Rancangan Malaysia Kedua, hlm. 252.

Merujuk kepada jadual 48, sumbangan ITM dalam kancang pendidikan negara amat kecil sekali iaitu 5.6% (219) daripada jumlah keseluruhan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia pada tahun 1966 dan jumlah ini meningkat kepada 17.3% (2,375) pada tahun 1970. Justeru itu, dalam konteks pembangunan negara, sumbangan MARA amat kecil dalam sektor pendidikan negara. Bagaimanapun dalam konteks pendidikan Bumiputera, rancangan pendidikan yang dianjurkan oleh MARA khususnya melalui ITM telah berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan institusi-institusi pendidikan lain. Pertambahan dari 219 pelajar pada tahun 1965 kepada 2,375 pelajar pada tahun 1975 iaitu pertambahan sebanyak 984.5% menunjukkan usaha tenaga tegas MARA dalam melaksanakan usul Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama iaitu meramaikan golongan profesional Bumiputera dalam pelbagai bidang.

Merujuk kepada jadual 48 juga, terdapat perbezaan yang jelas semasa penubuhan MARA dan sebelum penubuhan MARA iaitu ketika zaman RIDA. Semasa RIDA diberi tanggungjawab memajukan masyarakat luar Bandar. Apabila MARA mengambil alih peranan RIDA, MARA dengan beraninya meningkatkan jumlah pelajar dari luar bandar untuk belajar di ITM. Sebelum tahun 1970, bahasa pengantar di ITM ialah bahasa Inggeris, oleh itu ramai pelajar cemerlang dalam aliran kebangsaan telah gagal memasuki ITM. Masalah bahasa ini merupakan masalah utama ITM untuk melatih pelajar-pelajar Melayu dalam bidang profesional. Untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran Melayu, maka ITM telah menyediakan kursus persediaan untuk memasuki ITM. Hasilnya pada tahun 1970, lulusan sulung dari aliran Melayu seramai 300 orang pelajar telah menerima diploma masing-masing. Usaha ITM ini menunjukkan bahawa masalah bahasa bukanlah penghalang kepada kemajuan bangsa, yang menghalang kemajuan bangsa ialah masalah usaha dan perasaan rendah diri.

Setelah diperkenalkan DEB, usaha MARA menambah teknokrat Bumiputera semakin agresif. Salah satu caranya ialah dengan membanyakkan lagi kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera ke ITM. Ini dapat dibuktikan apabila kita merujuk kepada jadual 49.

Jadual 49  
Malaysia: Kemasukan Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi  
1970 dan 1975

Institusi	1970	1975	Pnambaham
Politeknik Ungku Omar	493	1,136	130.4%
ITM	2,142	7,872	267.9%
Universiti Malaya	7,777	8,056	3.6%
USM	271	2,851	952.0%
UKM	169	2,562	1,416%
UPM	585	2,656	354.0%
UTM	692	2,263	227.0%
Jumlah	13,324	31,529	136.6%

Sumber: Rancangan Malaysia Ketiga 1971-1975

Merujuk kepada jadual 49, pada tahun 1970; kemasukan pelajar ke ITM ialah seramai 2,142 pelajar dan dari jumlah ini telah meningkat kepada 7,872 pelajar pada tahun 1975. Ini bermakna terdapat peningkatan pengambilan sebanyak 267%. Dari segi pengambilan pelajar, ITM telah mendahului institusi pengajian tinggi lain kecuali Universiti Malaya. Bagaimanapun usaha MARA untuk mengimbangi golongan profesional sebuah kolej yang memberi saingan kepada ITM kerana kebanyakan pelajar KTAR ialah bukan Bumiputera. Sehubungan dengan itu, dalam masa yang sama KTAR telah mengambil pelajar seramai 1,195 pada tahun 1970 dan telah meningkat kepada 4,333 pelajar pada tahun 1975. Ini bermakna, usaha MARA sentiasa dibayangi oleh KTAR. Dengan ujudnya KTAR, jurang perimbangan kaum dalam bidang profesional tidak dapat ditutupi malahan semakin melebar.

Sebagai kesimpulannya, MARA telah mendahului semua institusi pengajian tinggi dalam negeri dalam usaha melatih tenaga profesional Bumiputera khususnya dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Ini dapat dibuktikan apabila tertubuhnya RIDA dan seterusnya Maktab MARA dan kemudiannya ITM yang kini bergelar UiTM. Sesungguhnya ITM adalah anak emas MARA di zaman 1960-an dan di awal 1970-an sebelum MARA melepaskan pentadbiran ITM ke Kementerian Pendidikan. Jasa MARA kepada ITM amat besar maknanya.